



29 November 2023  
29 November 2023  
P.U. (A) 367

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN  
(MAJLIS PENASIHAT PENDIDIKAN KEBANGSAAN)  
(PINDAAN) 2023

*EDUCATION (NATIONAL EDUCATION ADVISORY COUNCIL)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2023*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENDIDIKAN 1996

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN  
(MAJLIS PENASIHAT PENDIDIKAN KEBANGSAAN) (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan) (Pindaan) 2023**.

**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan) 2012 [P.U. (A) 457/2012], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

(a) dengan menomborkan semula peraturan yang sedia ada sebagai subperaturan (1);

(b) dalam subperaturan (1) yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) tidak kurang daripada lima orang lain dan tidak lebih daripada sembilan orang lain.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) yang dinomborkan semula subperaturan yang berikut:

“(2) Bagi maksud subperaturan (1), seseorang yang dilantik di bawah subperaturan (1)—

- (a) hendaklah mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam perkara yang berhubungan dengan sistem pendidikan kebangsaan atau apa-apa bidang lain yang boleh menyumbang kepada kemajuan pendidikan;
- (b) pada tarikh pelantikan, hendaklah bukan seorang ahli Majlis Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri atau tidak boleh memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik pada mana-mana peringkat; dan
- (c) hendaklah mempunyai integriti dan minat untuk menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan pendidikan yang harmoni mengikut undang-undang yang sedia ada.”.

**Pindaan peraturan 7**

3. Subperaturan 7(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sembilan puluh hari” dengan perkataan “empat belas hari”.

**Pindaan peraturan 10**

4. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (5) dengan subperaturan yang berikut:

“(5) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Majlis ialah—

- (a) lima orang anggota, jika tujuh orang anggota dilantik;
- (b) tujuh orang anggota, jika sembilan orang anggota dilantik; atau
- (c) sembilan orang anggota, jika sebelas orang anggota dilantik.”.

**Pindaan peraturan 11**

5. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan itu perkataan “dan”;

(b) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) mana-mana pegawai kanan Kementerian Pendidikan selain yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) atau wakilnya.”; dan

(c) dengan memotong perenggan (d).

**Pindaan peraturan 13**

6. Peraturan 13 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (9) dengan subperaturan yang berikut:

“(9) Sesuatu mesyuarat jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh pengerusi jawatankuasa itu dan hendaklah diadakan mengikut masa dan tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.”.

Dibuat 28 November 2023  
[KPM.PUU.R.100-1/19/1(6); PN(PU2)569/XIV]

FADHLINA BINTI SIDEK  
*Menteri Pendidikan*

EDUCATION ACT 1996

EDUCATION (NATIONAL EDUCATION ADVISORY COUNCIL)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by section 13 of the Education Act 1996 [Act 550], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Education (National Education Advisory Council) (Amendment) Regulations 2023**.

**Amendment of regulation 3**

2. The Education (National Education Advisory Council) Regulations 2012 [P.U. (A) 457/2012], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 3—

(a) by renumbering the existing regulation as subregulation (1);

(b) in subregulation (1) as renumbered, by substituting for paragraph (c) the following paragraph:

“(c) not less than five other persons and not more than nine other persons.”; and

(c) by inserting after subregulation (1) as renumbered the following subregulation:

“(2) For the purposes of subregulation (1), a person appointed under subsection (1)—

- (a) shall have experience, knowledge and expertise in matters relating to the national education system or any other field that may contribute to the education advancement;
- (b) at appointment date, shall not be a member of the Houses of Parliament or a member of the Legislative Assembly of a State or shall not hold any position in any political party at any level; and
- (c) shall have integrity and interest to contribute to the harmonious education development and advancement in accordance with the existing laws.”.

**Amendment of regulation 7**

3. Subregulation 7(2) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “ninety days” the words “fourteen days”.

**Amendment of regulation 10**

4. Regulation 10 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (5) the following subregulation:

“(5) The quorum for a meeting of the Council is—

- (a) five members, where there are seven members appointed;
- (b) seven members, where there are nine members appointed; or
- (c) nine members, where there are eleven members appointed.”.

**Amendment of regulation 11**

5. Regulation 11 of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (b), by inserting after the semicolon at the end of the paragraph the word “and”;

(b) by substituting for paragraph (c) the following paragraph:

“(c) any senior officer of the Ministry of Education other than those specified in paragraphs (a) and (b) or his representative.”; and

(c) by deleting paragraph (d).

### **Amendment of regulation 13**

6. Regulation 13 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (9) the following subregulation:

“(9) A meeting of a committee shall be presided over by the chairman of the committee and shall be held according to the time and place as may be determined by the chairman of the committee.”.

Made 28 November 2023

[KPM.PUU.R.100-1/19/1(6); PN(PU2)569/XIV]

FADHLINA BINTI SIDEK  
*Minister of Education*